93 Prospek Ekonomi Antarabangsa pada Tahun 2010
95 Ekonomi Malaysia pada Tahun 2010
96 *Rencana: Keluaran Potensi Ekonomi Malaysia*
106 Dasar Monetari pada Tahun 2010
108 Dasar Fiskal pada Tahun 2010
110 *Rencana: Peralihan kepada Ekonomi Berpendapatan Tinggi: Pertimbangan Dasar*

Prospek dan Dasar



Prospek dan Dasar

PROSPEK EKONOMI ANTARABANGSA PADA TAHUN 2010

Pemulihan ekonomi global yang bermula pada separuh kedua 2009, dijangka berlaku secara beransur-ansur dan tidak sekata pada tahun 2010, sejak ekonomi mula keluar daripada kemelesetan terburuk dalam tempoh pasca Perang Dunia Kedua. Kekuatan dan kadar pemulihan sangat berbeza mengikut ekonomi, bergantung pada sejauh mana masalah berstruktur yang dialami di sesebuah rantau akibat krisis kewangan global. Ekonomi maju dijangka mencatat pertumbuhan yang sederhana pada tahun 2010 memandangkan pengangguran yang tinggi, proses pengurangan hutang yang berterusan dan sistem kewangan yang lemah yang terus membatasi aktiviti peminjaman kepada sektor benar. Walau bagaimanapun, ekonomi Asia dijangka terus menerajui pemulihan global disebabkan oleh sumber pertumbuhan yang lebih luas, disokong oleh pengukuhan yang berterusan dalam permintaan luar dan dalam negeri dalam suasana perdagangan intrarantau yang bertambah baik, khususnya dengan RR China.

Pemulihan ekonomi global pada tahun 2010 dijangka terus berlaku secara beransur-ansur dan tidak sekata, dengan ekonomi Asia menerajui pertumbuhan

Ciri utama dalam proses pemulihan global yang berterusan, khususnya dalam ekonomi maju adalah sokongan yang meluas yang diberikan terhadap langkah-langkah dasar yang dilaksanakan sejak awal tahun lepas. Pemulihan yang berterusan dalam ekonomi maju masih bergantung pada rangsangan dan pemulihan pengantaraan kewangan dalam pasaran kredit. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada pelonggaran kuantitatif dijangka akan ditarik balik mulai awal tahun 2010. Dengan rangsangan fiskal yang semakin berkurangan menjelang akhir tahun, pemulihan yang berterusan dalam ekonomi maju perlu bergantung pada kesinambungan aktiviti sektor swasta. Walau bagaimanapun, memandangkan kemungkinan kadar pengangguran yang tinggi secara berterusan, lembaran imbangan sektor swasta yang lemah dan sistem kewangan yang goyah, prospek permintaan sektor swasta adalah untuk kembali pulih dengan beransur-ansur, yang akhirnya akan memberikan kesan ke atas kadar pemulihan ekonomi.

Meskipun keadaan terus bertambah baik dalam pasaran kewangan antarabangsa, keadaan kredit khususnya dalam ekonomi maju dijangka terus terbatas disebabkan kekangan yang dihadapi oleh institusi kewangannya yang terus dibelenggu dengan lembaran imbangan yang lemah, piawaian modal yang ketat dan perubahan dalam kawal selia berikutan pembaharuan berterusan dalam sistem kewangan. Oleh itu, pemberian pinjaman bank kepada ekonomi, khususnya kepada isi rumah dan perniagaan kecil, dijangka terus lemah. Di peringkat antarabangsa, memandangkan prospek yang kurang menggalakkan dalam ekonomi maju dan kesanggupan mengambil risiko para pelabur yang bertambah baik terhadap aset hasil tinggi, magnitud dan hala tuju aliran modal ke ekonomi baru muncul yang mempunyai prospek yang lebih baik akan menyebabkan lebih banyak aliran modal yang tidak menentu ke ekonomi tersebut.

Di **Amerika Syarikat** (AS), prospek ekonomi dijangka pulih secara berterusan tetapi beransur-ansur, yang disokong oleh rangsangan dasar yang besar dan pemulihan secara beransur-ansur dalam permintaan sektor swasta. Rangsangan fiskal yang menyokong pertumbuhan dengan kukuh pada tahun 2009, akan terus mendorong pertumbuhan pada tahun ini, khususnya melalui manfaat percukaian dan perbelanjaan infrastruktur. Lebih daripada separuh pakej rangsangan yang berjumlah USD787 bilion disasarkan untuk dibelanjakan pada tahun 2010. Walau bagaimanapun, akan terdapat rangsangan monetari yang ditarik balik secara berperingkat-peringkat berikutan berakhirnya beberapa program mudah tunai dan pembelian aset oleh Federal Reserve yang bermula pada awal tahun ini. Namun, kesan bersih dasar ini ke atas proses pemulihan dijangka terus positif, terutamanya melalui pengaruhnya ke atas permintaan sektor swasta. Penggunaan sektor swasta dijangka berkembang pada tahap yang sederhana, berikutan kesan kekayaan yang positif daripada kenaikan dalam pasaran ekuiti dan harga rumah

yang stabil. Isi rumah juga dijangka memperoleh manfaat percukaian dalam sektor perumahan. Walau bagaimanapun, permintaan swasta akan dibatasi oleh kelemahan yang berterusan dalam pasaran buruh dan keadaan kredit yang terus ketat. Begitu juga, pelaburan swasta dijangka mencatat pertumbuhan yang kecil pada tahun ini disebabkan kapasiti berlebihan dan kadar penggunaan yang sangat rendah. Pelaburan harta kediaman dijangka disokong oleh dasar kerajaan yang sedang dilaksanakan dalam bentuk kadar gadai janji yang lebih rendah dan pelepasan kredit percukaian. Secara keseluruhan, proses pemulihan di AS akan terus didorong oleh rangsangan dasar dalam suasana pemulihan amat perlahan dalam permintaan sektor swasta.

Aktiviti ekonomi di **kawasan euro** dijangka bertambah baik pada tahun 2010 tetapi pertumbuhan terus sederhana dan di bawah paras potensi. Walaupun rangsangan fiskal dijangka kurang mengembang dan konsolidasi fiskal oleh beberapa negara di kawasan euro dijangka bermula, ia masih merupakan faktor yang mendorong pertumbuhan yang kecil. Pada masa yang sama, permintaan sektor swasta dijangka menunjukkan pemulihan beransur-ansur, tetapi terus terbatas oleh persekitaran yang mencabar dengan kadar pengangguran yang masih tinggi dan sektor kewangan yang lemah. Sementara itu, di **UK**, pemulihan ekonomi akan disokong oleh rangsangan monetari serta permintaan luar negeri berikutan penyusutan nilai paun sterling. Walau bagaimanapun, permintaan dalam negeri dijangka terus lemah disebabkan keadaan kredit yang terbatas dan konsolidasi fiskal yang dirancang. Di **Jepun**, ekonomi yang sangat bergantung pada perdagangan, pemulihan dalam eksport terutamanya ke rantau Asia, khususnya Republik Rakyat China (RR China), dijangka kekal sebagai peneraju pertumbuhan ekonomi yang utama pada tahun 2010. Walau bagaimanapun, pemulihan dijangka sederhana, dengan permintaan dalam negeri berkemungkinan dibatasi oleh keadaan pasaran buruh yang lemah dan rancangan perbelanjaan modal yang terbatas. Tambahan pula, deflasi dijangka berterusan dalam ekonomi, yang terus menjejaskan permintaan dalam negeri, khususnya permintaan swasta. Memandangkan senario ini, dasar monetari dan fiskal dijangka akan terus berkembang untuk menyokong pertumbuhan.

Rajah 4.1
Pertumbuhan Dunia, Perdagangan Dunia dan Pertumbuhan di Ekonomi Maju Utama (2009-2010)



a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Pihak Berkuasa Negara

Pemulihan yang beransur-ansur dalam ekonomi maju berserta dengan permintaan yang kukuh daripada ekonomi baru muncul, akan menyokong pertumbuhan **perdagangan global** pada tahun 2010. Yang jelas, komposisi perdagangan global akan beralih daripada ekonomi maju kepada ekonomi baru muncul, khususnya Asia, disebabkan permintaan dalam negeri di rantau ini bertambah kukuh. Corak perdagangan global yang berubah dijangka akan mengubah aliran global pelaburan langsung asing, apabila syarikat multinasional menjadi lebih mengkhusus kepada sesuatu rantau dalam menguruskan pengeluaran global dan rangkaian pelaburan untuk mengambil manfaat daripada prospek pertumbuhan yang menggalakkan dalam ekonomi baru muncul.

Sejajar dengan jangkaan peningkatan dalam ekonomi dan perdagangan global, **ekonomi Asia** dijangka mencatatkan pertumbuhan yang lebih teguh pada 2010. Sebagai penyumbang pertumbuhan utama bagi rantau ini pada tahun 2009, **RR China** dijangka akan terus menyokong perdagangan intrarantau melalui pengembangan yang mapan dalam permintaan dalam negerinya. Di samping penambahbaikan asas luas yang berterusan dalam permintaan luar untuk rantau ini, keadaan permintaan dalam negeri dalam ekonomi serantau juga dijangka akan bertambah kukuh. Penggunaan swasta dijangka akan diperkukuh oleh prospek pekerjaan yang lebih baik, manakala pelaburan swasta dijangka akan melonjak semula memandangkan kapasiti penggunaan

Rajah 4.2
Ekonomi Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar



a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Pihak Berkuasa Negara

yang lebih tinggi. Keadaan ini terus diperkukuh melalui pelaksanaan pakej rangsangan fiskal yang berterusan, terutamanya dalam perbelanjaan infrastruktur.

Inflasi global dijangka meningkat pada tahun 2010 sejajar dengan pemulihan ekonomi global dan harga komoditi yang lebih tinggi. Harga minyak dan komoditi lain dijangka meningkat, tetapi tidak mencapai paras yang dicapai pada awal tahun 2008, mencerminkan keadaan permintaan sebenar yang tersirat, khususnya daripada ekonomi baru muncul. Jangkaan kenaikan harga komoditi juga didorong sebahagiannya oleh jangkaan pasaran dalam pemulihan permintaan global dan juga mudah tunai yang berlebihan dalam sistem kewangan global. Walau bagaimanapun, peningkatan selanjutnya dalam harga komoditi mungkin dibatasi oleh kapasiti simpanan yang ada dalam pengeluaran kebanyakan komoditi dan dalam keadaan tertentu, dibatasi oleh stok inventori yang besar.

Inflasi keseluruhan dalam ekonomi maju dijangka meningkat kepada 1.3% pada tahun 2010 daripada catatan terendah sebanyak 0.1% pada tahun 2009. Manakala itu, inflasi dalam ekonomi baru muncul dan membangun dijangka meningkat kepada 6.2% pada tahun 2010 daripada 5.2% pada tahun 2009 [1]. Berlatarbelakangkan persekitaran ini, bank-bank pusat ini dijangka akan keluar secara beransur-ansur daripada rejim kadar faedah yang sangat rendah di samping penarikan balik pelonggaran kuantitatif dalam ekonomi maju. Kadar tindakan bank pusat untuk keluar daripada rejim ini bergantung pada pelbagai faktor, yang merangkumi keadaan untuk pemulihan yang mapan dan prospek inflasi.

Masih terdapat beberapa **risiko** dalam prospek ekonomi global. Masa dan magnitud penarikan balik langkah rangsangan boleh menimbulkan risiko yang besar kepada prospek pertumbuhan dan inflasi. Jika langkah ini ditarik balik terlalu awal, ia boleh meningkatkan risiko kemelesetan dua kali, khususnya dalam ekonomi maju. Walau bagaimanapun, jika langkah ini ditarik balik terlalu lewat, ia boleh menyebabkan ketidakseimbangan kewangan dan tekanan inflasi yang meningkat, dan dalam keadaan tertentu, akan menyebabkan inflasi harga aset yang tidak mapan. Satu lagi risiko utama adalah kedudukan fiskal ekonomi maju yang telah melaksanakan rangsangan fiskal dan pakej penyelamatan kewangan yang besar. Ini dapat dilihat melalui perhatian yang meningkat terhadap risiko berdaulat, khususnya di Eropah. Jika ekonomi ini tidak boleh merangka strategi yang jelas untuk kembali kepada kedudukan fiskal yang mapan, pasaran akan mengenakan premium risiko tinggi ke atas ekonomi ini, yang akan mengakibatkan konsolidasi fiskal secara mendadak sehingga boleh menjejaskan proses pemulihan. Ekonomi maju juga akan terus menghadapi cabaran yang ketara daripada kelemahan sistem kewangan dan struktur penganggurannya. Bagi ekonomi baru muncul pula, perbezaan pertumbuhan yang positif boleh menarik aliran masuk modal yang besar dan sekali gus menimbulkan komplikasi dalam melaksanakan dasar monetari dan menguruskan keadaan turun naik dalam kadar pertukaran.

EKONOMI MALAYSIA PADA TAHUN 2010

Ekonomi Malaysia dijangka berkembang antara 4.5% hingga 5.5% pada tahun 2010, disokong oleh permintaan dalam negeri yang bertambah kukuh dan persekitaran luar yang bertambah baik. Sementara sektor awam terus memberikan sokongan, pertumbuhan dijangka didorong oleh aktiviti sektor swasta yang lebih giat dan permintaan luar yang kukuh dari negara serantau. Asas-asas makroekonomi yang teguh, kedudukan kewangan sektor swasta yang kuat dan sistem kewangan yang kukuh akan menyokong pemulihan

[1] *Laporan Prospek Ekonomi Dunia* IMF, Januari 2010

Keluaran Potensi Ekonomi Malaysia

Keluaran potensi ialah trend paras keluaran yang sejajar dengan kapasiti produktif agregat sesebuah ekonomi. Ia mengesan laluan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan ditentukan terutamanya oleh pengembangan dan penggunaan tanpa inflasi modal fizikal dan tenaga kerja yang sedia ada serta pertumbuhan produktiviti faktor menyeluruh (Total Factor Productivity, TFP). Pertumbuhan TFP menggambarkan kenaikan produktiviti hasil daripada penggunaan input faktor yang bertambah baik berikutan kemajuan teknologi dan kecekapan ekonomi secara keseluruhan. Jurang keluaran ialah perbezaan antara paras keluaran sebenar dengan paras keluaran potensi. Ia merupakan ukuran penyimpangan kitaran daripada trend keluaran tanpa inflasi, lantas memberi penilaian mengenai kedudukan sesebuah ekonomi dalam kitaran tersebut.

Jadual 1
KDNK Benar dan Keluaran Potensi

Tempoh	KDNK benar	Keluaran potensi	Pelaburan	Pekerja	Jurang keluaran
	Perubahan tahunan (%)				(% drpd keluaran potensi)
1993-1999	6.5	6.5	4.3	4.1	0.1
2000	8.9	4.2	26.0	4.4	1.1
2001	0.5	4.6	-2.1	1.5	-1.6
2002	5.3	4.0	0.6	1.9	-0.6
2003	5.8	6.1	2.8	3.6	-0.4
2004	6.8	5.5	3.6	1.0	0.4
2005	5.3	5.0	5.0	0.6	0.8
2006	5.8	5.6	7.5	2.1	1.0
2007	6.2	5.2	9.6	2.5	2.1
2008	4.6	4.0	0.8	1.3	0.7
2009*a*	-1.7	2.5	-5.5	2.7	-1.4

a Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 1
KDNK Sebenar dan Potensi



a Anggaran
r Ramalan

Rajah 2
Sumbangan Faktor dan Pertumbuhan TFP
Peralihan daripada ekonomi berasaskan faktor kepada ekonomi berasaskan produktiviti



a Anggaran
r Ramalan

[1] Jurang keluaran ialah perbezaan antara paras keluaran sebenar dengan keluaran potensi dan jurang ini diukur sebagai peratusan daripada keluaran potensi. Jurang keluaran positif menunjukkan bahawa keluaran sebenar melebihi keluaran potensi, manakala jurang keluaran negatif pula menunjukkan sebaliknya.

Dalam persekitaran global yang mencabar ini, anggaran terkini menunjukkan bahawa pertumbuhan keluaran potensi ekonomi Malaysia menjadi sederhana kepada 2.5% pada tahun 2009, iaitu kadar paling perlahan sejak krisis kewangan Asia. Ini disebabkan terutamanya oleh aktiviti pelaburan yang merosot dan pertumbuhan TFP yang lebih sederhana, seperti yang dialami semasa tempoh kemerosotan ekonomi yang lalu. Akibat kemerosotan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) sebenar yang lebih ketara, jurang keluaran[1] adalah negatif 1.4% daripada keluaran potensi. Ini menunjukkan bahawa ekonomi negara beroperasi di bawah paras potensinya pada tahun 2009.

Namun, dengan jangkaan bahawa ekonomi Malaysia akan pulih pada masa hadapan hasil dorongan aktiviti dalam negeri yang lebih kukuh dan persekitaran luar negeri yang bertambah baik, jurang keluaran diunjurkan menjadi lebih kecil pada tahun 2010. Berikutan itu, keluaran potensi dijangka kembali kepada trend pertumbuhan sebanyak kira-kira 5% dalam jangka sederhana susulan jangkaan pemulihan dalam pelaburan serta produktiviti yang terus bertambah baik.

yang diterajui oleh sektor swasta. Persekitaran monetari yang menyokong, termasuk akses kepada pembiayaan kompetitif yang berterusan akan terus tersedia untuk menggalakkan pemulihan dalam aktiviti sektor swasta.

KDNK benar dijangka berkembang antara 4.5% hingga 5.5% pada tahun 2010, disokong oleh permintaan dalam negeri yang bertambah kukuh dan persekitaran luar yang bertambah baik

Penyumbang utama kepada pertumbuhan pada tahun 2010 ialah permintaan dalam negeri yang dijangka bertambah kukuh terutamanya hasil dorongan sektor swasta. Keadaan dalam negeri yang menggalakkan, termasuk pasaran pekerja yang bertambah baik, pendapatan boleh guna yang lebih tinggi dan keyakinan pengguna yang terus mapan, akan terus menyokong pengembangan penggunaan swasta. Sejajar dengan pengukuhan permintaan luar dan peningkatan aktiviti dalam negeri, pelaburan swasta dijangka pulih secara beransur-ansur pada tahun 2010. Selain itu, perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh PABK dan pelaksanaan projek di bawah pakej rangsangan kedua akan memperkukuh lagi permintaan dalam negeri. Pemulihan ekonomi global yang disumbangkan terutamanya oleh pertumbuhan lebih kukuh dalam ekonomi serantau akan memberi dorongan seterusnya kepada pertumbuhan pada tahun 2010. Memandangkan kesan sektor luar secara relatif adalah besar dalam ekonomi negara, pengukuhan permintaan luar akan menghasilkan kesan limpahan terhadap seluruh ekonomi, dari segi pekerjaan, pengeluaran dan sentimen keseluruhan, sekali gus menyokong penggunaan dan pelaburan swasta yang lebih besar.

Dari perspektif penawaran, kebanyakan sektor ekonomi dijangka mencatat prestasi yang lebih baik pada tahun 2010, disokong oleh permintaan dalam negeri yang bertambah kukuh dan permintaan luar yang terus bertambah baik. Sektor perkilangan dan perlombongan dijangka mencatat pertumbuhan positif disebabkan oleh permintaan luar yang kembali pulih, khususnya terhadap produk utama seperti elektronik, minyak mentah dan gas asli. Sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan KDNK keseluruhan, dengan pertumbuhan sektor tersebut dijangka menyeluruh. Subsektor berkaitan perdagangan dan perkilangan serta subsektor berorientasikan dalam negeri dijangka bertambah baik di tengah-tengah pemulihan permintaan global dan domestik. Sektor pertanian juga diunjurkan mencatat pertumbuhan lebih tinggi berikutan permintaan dari pasaran eksport utama terhadap hasil tanaman industri adalah bertambah baik susulan prospek ekonomi yang lebih baik pada tahun 2010. Sementara itu, sektor pembinaan dijangka terus meningkat kerana mendapat manfaat daripada pelaksanaan berterusan projek-projek di bawah pakej rangsangan kedua dan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Keadaan pasaran pekerja dijangka bertambah baik pada tahun 2010, dengan kadar pengangguran diramal turun kepada 3.6% daripada jumlah tenaga kerja. Berdasarkan hasil kaji selidik Bank Negara Malaysia, kebanyakan syarikat dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan pembinaan merancang meningkatkan guna tenaga dan memberi kenaikan gaji yang lebih tinggi pada tahun 2010, sejajar dengan jangkaan pemulihan aktiviti ekonomi global dan domestik.

Inflasi keseluruhan dijangka terus sederhana pada purata 2% hingga 2.5% pada tahun 2010. Kenaikan harga mencerminkan keadaan ekonomi yang bertambah baik dan kemungkinan pelarasan terhadap harga ditadbir berikutan rancangan Kerajaan untuk menyemak subsidi keluaran petroleum serta mengkaji semula subsidi sedia ada bagi barang-barang keperluan lain.

Bagi sektor luar, lebihan akaun semasa diunjurkan lebih rendah pada 14.3% daripada PNK pada tahun 2010. Lebihan akaun semasa yang lebih rendah mencerminkan lebihan perdagangan yang lebih kecil, defisit akaun pendapatan yang lebih tinggi, aliran keluar pindahan semasa yang berterusan serta defisit akaun perkhidmatan yang kecil. Eksport kasar diunjurkan terus mengembang pada tahun 2010, sejajar dengan permintaan luar negeri yang lebih kukuh dan harga komoditi yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, lebihan perdagangan dijangka lebih kecil memandangkan peningkatan eksport akan diimbangi sebahagiannya oleh kenaikan dalam import kasar, sejajar dengan pemulihan

dalam sektor perkilangan dan pengukuhan permintaan dalam negeri. Bagi akaun kewangan, aliran masuk pelaburan langsung asing dan pelaburan langsung di luar negeri oleh syarikat Malaysia dijangka meningkat memandangkan keadaan ekonomi global dan domestik adalah bertambah baik.

Unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia antara 4.5% hingga 5.5% pada tahun 2010 adalah berdasarkan jangkaan pemulihan ekonomi global secara beransur-ansur dan tidak sekata. Ekonomi global didapati masih menghadapi beberapa risiko pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan. Risiko ini, terutamanya dalam ekonomi maju, termasuk kesan terhadap proses pemulihan sebaik sahaja perbelanjaan fiskal dikurangkan, sistem kewangan yang masih lemah dan mudah terjejas, proses pembayaran balik hutang oleh sektor swasta secara berterusan dan tekanan fiskal di sesetengah ekonomi maju utama boleh menimbulkan ketidakpastian yang nyata terhadap prospek ekonomi global. Dalam keadaan ini, permintaan dalam negeri akan menjadi faktor utama dalam memacu pertumbuhan pada tahun 2010. Dalam persekitaran ini, dasar-dasar akan terus menyokong pertumbuhan, khususnya dalam memastikan aktiviti sektor swasta dan pemulihan terus bertambah kukuh.

Selain memastikan projek dilaksanakan mengikut jadual, Kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah untuk mempergiat semula pelaburan swasta, termasuk liberalisasi ekonomi, penswastaan syarikat milik Kerajaan, pemberian insentif kepada bidang pertumbuhan tinggi dan penambahbaikan berterusan dalam sistem penyampaian Kerajaan. Sementara itu, dasar monetari akan kekal akomodatif sambil perhatian terus ditumpukan pada usaha untuk memastikan sektor swasta, khususnya perusahaan kecil dan sederhana, mendapat akses kepada pembiayaan. Pada masa yang sama, terdapat pengawasan yang lebih rapi untuk memastikan supaya ketidakseimbangan kewangan tidak timbul kerana ketidakseimbangan tersebut boleh mengancam kestabilan makroekonomi dan kemapanan pemulihan ekonomi. Asas-asas ekonomi dan kewangan Malaysia yang kukuh meletakkan ekonomi domestik pada kedudukan yang lebih baik untuk mencapai pemulihan yang lebih kukuh sejajar dengan keadaan global yang bertambah baik.

Keadaan Permintaan dalam Negeri

Permintaan dalam negeri dijangka mengembang sebanyak 3.2% pada tahun 2010 disebabkan oleh aktiviti sektor swasta yang lebih kukuh sejajar dengan pemulihan pertumbuhan ekonomi global. Sektor swasta dijangka menjadi pendorong utama permintaan dalam negeri memandangkan Kerajaan melaksanakan langkah konsolidasi fiskalnya pada tahun 2010.

Permintaan dalam negeri akan mencatat pertumbuhan lebih tinggi pada tahun 2010, didorong terutamanya oleh perbelanjaan swasta berikutan langkah konsolidasi fiskal Kerajaan

Jadual 4.1
KDNK Benar Mengikut Perbelanjaan (2000=100)

	2009*a*	2010*r*	2009*a*	2010*r*
	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan KDNK benar (mata peratusan)	
Permintaan dalam negeri[1]	**-0.4**	**3.2**	**-0.3**	**2.8**
Perbelanjaan sektor swasta	-3.4	3.3	-2.2	2.1
Penggunaan	0.8	3.8	0.4	2.0
Pelaburan	-21.8	0.7	-2.6	0.1
Perbelanjaan sektor awam	7.7	2.7	1.9	0.7
Penggunaan	3.7	-2.7	0.5	-0.4
Pelaburan	12.9	9.3	1.3	1.1
Perubahan dalam stok			**-2.5**	**4.5**
Eksport bersih barangan dan perkhidmatan	**8.4**	**-18.6**	**1.1**	**-2.7**
Eksport	-10.1	7.7	-12.0	8.3
Import	-12.5	11.7	-13.1	11.0
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar	**-1.7**	**4.5~5.5**	**-1.7**	**4.5~5.5**

[1] Tidak termasuk stok
a Awalan
r Ramalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Keadaan dalam negeri yang menggalakkan yang disokong oleh dasar monetari yang akomodatif, akses kepada pembiayaan yang berterusan serta keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik merupakan faktor yang akan membantu pengembangan seterusnya dalam penggunaan isi rumah. Perbelanjaan modal sektor swasta pula diunjurkan meningkat secara beransur-ansur pada tahun tersebut. Selain itu, perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh PABK akan memberikan rangsangan seterusnya kepada permintaan dalam negeri.

Penggunaan swasta diunjurkan meningkat sebanyak 3.8% pada tahun 2010. Pengembangan yang lebih tinggi dalam perbelanjaan pengguna akan disokong terutamanya oleh pasaran pekerja yang bertambah baik selain kenaikan yang stabil dalam pendapatan boleh guna dan pengukuhan keyakinan pengguna. Prospek guna tenaga akan menjadi lebih menggalakkan susulan permintaan terhadap pekerja yang lebih tinggi dalam pelbagai sektor ekonomi sejajar dengan pemulihan dalam aktiviti ekonomi. Seterusnya, gaji purata sektor swasta dijangka naik sebanyak 4.1%, sementara kadar pengangguran diunjurkan lebih rendah pada 3.6% daripada tenaga kerja. Kenaikan dalam paras pendapatan berikutan pemulihan yang beransur-ansur dalam eksport dan aktiviti sektor perkilangan akan memberikan manfaat kepada hampir sepertiga daripada tenaga kerja dalam ekonomi domestik, dan juga akan merangsang perbelanjaan penggunaan yang lebih tinggi. Di samping itu, sektor isi rumah di kawasan luar bandar dijangka menikmati kenaikan dalam pendapatan yang menggalakkan disebabkan oleh harga komoditi yang dijangka kekal kukuh pada tahun 2010.

Susulan pemulihan aktiviti ekonomi dan keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik, keyakinan pengguna dijangka berterusan pada tahun 2010. Faktor-faktor lain yang memberikan sokongan kepada pertumbuhan penggunaan swasta termasuk akses kepada kredit yang berterusan pada kadar faedah yang akomodatif dan persekitaran inflasi yang secara relatif rendah. Kedudukan kewangan sektor isi rumah dijangka kekal kukuh seperti dicerminkan oleh tahap hutang sektor isi rumah yang stabil dan nisbah pinjaman tak berbayar yang rendah. Selain itu, pelaksanaan projek di bawah pakej rangsangan ekonomi kedua dijangka turut memberikan manfaat kepada sektor isi rumah.

Pelaburan swasta dijangka mencatat pertumbuhan kecil sebanyak 0.7% pada tahun 2010. Perbelanjaan modal oleh sektor perniagaan dijangka mengembang secara beransur-ansur mulai separuh kedua 2010. Ini sejajar dengan pengukuhan permintaan di dalam dan di luar negeri dalam keadaan ekonomi global yang bertambah baik. Pemulihan yang sederhana dalam pelaburan swasta akan disokong oleh aktiviti sektor perkilangan yang lebih giat. Tambahan lagi, peningkatan dalam penggunaan kapasiti yang lebih cepat sejak separuh kedua 2009, yang disokong oleh peningkatan dalam pengeluaran perkilangan akan menggalakkan syarikat untuk mula menambahkan kapasiti. Keyakinan perniagaan yang meningkat dengan nyata berikutan permintaan luar yang bertambah baik dan aktiviti ekonomi dalam negeri yang meningkat juga akan mendorong syarikat untuk meneruskan rancangan pelaburan yang tertangguh.

Dalam sektor perkhidmatan, segmen perniagaan yang berorientasikan pengguna akan terus berkembang memandangkan aktiviti penggunaan adalah lebih tinggi pada tahun tersebut. Syarikat dalam sektor perdagangan borong dan runcit diunjur mengembangkan operasi melalui pembukaan saluran dagang runcit baharu. Pelaburan dalam sektor komunikasi akan menjadi lebih tinggi kerana syarikat memperhebat usaha untuk menaik taraf rangkaian mereka bagi memperluas liputan perkhidmatan jalur lebar. Sementara itu, pelaburan dalam sektor

Carta 4.3
KDNK Benar dan Penggunaan Swasta



a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rajah 4.4
Penunjuk Hutang Isi Rumah



Sumber: Bank Negara Malaysia

pengangkutan akan disokong terutamanya oleh pengembangan kapasiti dalam perkhidmatan perjalanan udara. Perbelanjaan modal dalam sektor perlombongan juga dijangka lebih tinggi berikutan pengembangan dalam kapasiti pengeluaran sektor huluan minyak dan gas selain perbelanjaan pembangunan tambahan untuk penemuan baharu di luar pesisir Semenanjung Malaysia dan Sarawak. Sementara itu, perbelanjaan modal dalam sektor pembinaan dijangka mendapat manfaat daripada pelaksanaan projek kejuruteraan awam di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) serta pelaksanaan berterusan pakej rangsangan kedua.

Meskipun perbelanjaan emolumen dijangka meningkat, **penggunaan awam** diunjurkan menurun sebanyak 2.7% pada tahun 2010 disebabkan oleh perbelanjaan terhadap bekalan dan perkhidmatan yang lebih rendah. Ini sejajar dengan dasar Kerajaan untuk berbelanja dengan lebih cekap, tanpa menjejaskan keberkesanan perkhidmatan penyampaian Kerajaan.

Pelaburan awam dijangka berkembang sebanyak 9.3% pada tahun 2010, terutamanya disebabkan oleh perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh PABK. Perbelanjaan pembangunan Kerajaan pada tahun tersebut akan terus digunakan untuk tujuan penambahbaikan ekonomi dan sektor sosial ekonomi. Perbelanjaan modal dalam sektor perkhidmatan ekonomi disalurkan terutamanya untuk penyediaan infrastruktur pengangkutan dan perindustrian, penambahbaikan kemudahan awam dan produktiviti pertanian, serta pembangunan luar bandar yang lebih giat. Pelaksanaan pelbagai projek di bawah RMK9 dan pakej rangsangan kedua akan dipercepat pada tahun tersebut. Yang ketara, perbelanjaan langsung Kerajaan yang terdiri daripada projek-projek bernilai RM5 bilion di bawah pakej rangsangan kedua akan dilaksanakan pada tahun 2010. Dalam sektor perkhidmatan sosial, sebahagian besar peruntukan akan digunakan untuk memperbaiki penyediaan perkhidmatan awam yang perlu seperti pendidikan dan penjagaan kesihatan serta pembinaan rumah murah dan kuarters bagi kakitangan awam.

Selain perbelanjaan modal yang besar dalam sektor huluan minyak dan gas, pelaburan oleh PABK diunjurkan lebih tinggi dalam bidang pengangkutan, komunikasi dan utiliti. Pelaburan dalam sektor komunikasi dan utiliti masing-masing akan memberikan tumpuan pada usaha untuk menaik taraf rangkaian jalur lebar dan meningkatkan bekalan elektrik. Dalam sektor pengangkutan, perbelanjaan modal yang lebih tinggi adalah untuk projek peluasan rel pada tahun 2010.

Prospek Mengikut Sektor

Prestasi kebanyakan sektor ekonomi dijangka lebih baik, sejajar dengan permintaan dalam negeri yang lebih kukuh serta permintaan luar yang terus bertambah baik pada tahun 2010. Sektor perkilangan dan perlombongan dijangka kembali berkembang susulan permintaan luar yang kembali pulih bagi produk-produk utama seperti elektronik, minyak mentah dan gas asli. Pemulihan keadaan di luar negeri juga akan meningkatkan permintaan terhadap

Jadual 4.2
KDNK Benar Mengikut Sektor (2000=100)

	2009*a*	2010*r*
	Perubahan tahunan (%)	
Pertanian	0.4	3.1
Perlombongan dan kuari	-3.8	2.5
Perkilangan	-9.3	6.5
Pembinaan	5.7	3.7
Perkhidmatan	2.6	4.9
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar	**-1.7**	**4.5~5.5**

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Bank Negara Malaysia

perkhidmatan berkaitan perdagangan, sekali gus menggalakkan lagi pertumbuhan sektor perkhidmatan. Di samping itu, pemulihan aktiviti berorientasikan dalam negeri yang telah berada dalam landasan pemulihan yang kukuh sejak separuh kedua tahun 2009 akan meningkatkan lagi pertumbuhan dalam semua sektor. Pertumbuhan akan disokong oleh permintaan dalam negeri yang bertambah kukuh, khususnya penggunaan swasta, berikutan sokongan dasar yang berterusan. Selain itu, keadaan pasaran pekerja yang dijangka bertambah baik, bersama-sama dengan keyakinan peniaga dan pengguna yang lebih tinggi akan, menjadi insentif kepada aktiviti sektor swasta iaitu dalam sektor yang banyak bergantung pada permintaan domestik. Sementara itu, sektor pembinaan dijangka terus mencatat pertumbuhan kerana memperoleh manfaat daripada pelaksanaan berterusan pelbagai projek di bawah pakej rangsangan kedua dan RMK9.

Pemulihan pada tahun 2010 dijangka menyeluruh dengan kebanyakan sektor mencatat prestasi yang lebih baik

Sektor **perkhidmatan** diunjurkan mencatat pertumbuhan lebih tinggi iaitu sebanyak 4.9% pada tahun 2010, dan kekal sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan KDNK secara keseluruhan. Pertumbuhan sektor ini adalah menyeluruh, dengan kebanyakan subsektornya mencatat prestasi yang lebih baik berbanding dengan tahun 2009. Subsektor berkaitan perdagangan dan perkilangan yang terjejas teruk oleh kemerosotan ekonomi pada tahun 2009, dijangka bertambah baik sejajar dengan jangkaan pemulihan ekonomi global. Sementara itu, subsektor yang lebih berorientasikan dalam negeri dijangka mencatat pertumbuhan lebih tinggi hasil daripada permintaan dalam negeri yang bertambah kukuh.

Dalam sektor perkhidmatan, subsektor **kewangan dan insurans** dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi, hasil sokongan daripada segmen kewangan yang meraih manfaat daripada peningkatan pemberian pinjaman oleh bank dan pendapatan fi berikutan pemulihan ekonomi yang bertambah nyata. Dalam segmen insurans, peningkatan dalam gaji dan upah serta celik kewangan yang lebih tinggi akan menyumbang kepada permintaan yang lebih tinggi terhadap produk insurans hayat, sementara jangkaan pertambahan dalam jualan kenderaan bermotor akan memberikan manfaat kepada perniagaan insurans am.

Setelah terjejas teruk oleh kemerosotan ekonomi pada tahun 2009, subsektor **pengangkutan dan penyimpanan** diunjurkan kembali kepada pertumbuhan positif pada tahun 2010. Pertumbuhan akan disokong oleh permintaan yang lebih tinggi terhadap perkhidmatan pengangkutan berkaitan kargo berikutan jangkaan bahawa aktiviti berkaitan perdagangan dan perkilangan akan menjadi lebih baik. Pertumbuhan akan disokong juga oleh peningkatan permintaan dalam segmen penumpang, sejajar dengan jangkaan ketibaan pelancong yang lebih banyak dan aktiviti pelancongan domestik yang lebih tinggi. Subsektor **utiliti,** yang menunjukkan prestasi yang sangat lemah pada tahun 2009 dijangka berkembang dengan baik pada tahun 2010. Pertumbuhan dijangka disumbangkan oleh peningkatan permintaan pengguna industri terhadap elektrik selaras dengan peningkatan dalam aktiviti perkilangan, serta permintaan yang kukuh daripada sektor komersial dan isi rumah.

Subsektor perkhidmatan yang bergantung pada penggunaan dalam negeri seperti subsektor **perdagangan borong dan runcit** serta **penginapan dan restoran,** diunjurkan mencatat kadar pertumbuhan yang lebih baik. Jangkaan peningkatan dalam ketibaan pelancong juga akan menggalakkan lagi pertumbuhan subsektor ini. Prospek bagi subsektor **komunikasi** juga positif, didorong oleh permintaan terhadap perkhidmatan data mudah alih dan jalur lebar yang kian meningkat. Persaingan sengit antara penyedia perkhidmatan, pelancaran secara komersial projek jalur lebar berkelajuan tinggi di beberapa kawasan bandar terpilih dan pengembangan berterusan dalam perkhidmatan WiMAX akan terus menyumbang kepada pertumbuhan subsektor tersebut.

Sektor **perkilangan** diunjurkan mencatat pertumbuhan kukuh pada tahun 2010, berdasarkan momentum pemulihan yang bermula sejak akhir tahun 2009. Pengembangan yang menyeluruh dijangka berlaku dalam semua kelompok perkilangan, mencerminkan peningkatan permintaan luar dan pengukuhan

permintaan dalam negeri. Kelompok elektronik dan elektrik (E&E) diunjurkan kembali pulih disebabkan oleh peningkatan dalam permintaan global terhadap elektronik, terutamanya apabila adanya peruntukan bagi perbelanjaan IT oleh syarikat korporat. Sebelum ini, penaiktarafan dan penggantian perisian serta alat ganti telah ditangguhkan semasa berlakunya kemerosotan ekonomi global. Pertumbuhan dalam kelompok berkaitan sumber juga akan didorong oleh permintaan luar dan harga komoditi yang lebih tinggi. Industri kimia dijangka bertambah baik seiring dengan prestasi pasaran E&E dan automotif serta sektor isi rumah, sementara permintaan terhadap produk penjagaan kesihatan dan perubatan akan terus menyokong industri keluaran getah. Sementara itu, kelompok keluaran berkaitan pengguna dijangka bergerak sejajar dengan pengukuhan permintaan dalam negeri, khususnya penggunaan swasta. Juga, prestasi kelompok berkaitan pembinaan akan mendapat manfaat daripada jangkaan aktiviti pembinaan dalam negeri dan juga projek infrastruktur dalam rantau ini yang lebih tinggi.

Sektor **pertanian** dijangka mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 3.1% disebabkan oleh permintaan pasaran eksport utama terhadap hasil tanaman industri, khususnya minyak sawit dan getah, yang bertambah baik sejajar dengan prospek ekonomi yang lebih cerah pada tahun 2010. Selain itu, penurunan dalam duti import getah oleh RR China pada 1 Januari 2010 akan terus merangsang permintaan terhadap komoditi tersebut. Pengeluaran minyak sawit pada tahun 2010 dijangka lebih tinggi berikutan pemulihan dalam kadar hasil tandan buah segar (FFB) komoditi tersebut dan peluasan kawasan tanaman yang akan mengeluarkan hasil. Bagi getah pula, selain peningkatan produktiviti yang berterusan di kawasan yang ditanam semula dengan klon getah berhasil tinggi, harga getah yang lebih tinggi sejak separuh kedua tahun 2009 akan terus menggalakkan aktiviti penorehan.

Sektor **perlombongan** dijangka berkembang sebanyak 2.5%, mencerminkan pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih tinggi berikutan pemulihan dalam permintaan. Peningkatan dalam pengeluaran LNG sebahagiannya mencerminkan penghantaran pertama mengikut kontrak ke RR China untuk satu tahun penuh.

Sektor pembinaan dijangka terus kukuh dengan pertumbuhan sebanyak 3.7% pada tahun 2010. Segmen kejuruteraan awam akan disokong oleh pelaksanaan projek yang berterusan di bawah pakej rangsangan kedua. Tambahan pula, selain projek yang sedang giat dijalankan, beberapa projek besar lain yang dikenal pasti di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan juga dijangka dimulakan pada tahun itu. Sementara itu, sentimen perniagaan dan pengguna yang lebih tinggi serta akses kepada pembiayaan yang berterusan akan menyokong pengembangan dalam subsektor kediaman dan bukan kediaman.

Imbangan Pembayaran

Dari segi sektor luar, peningkatan eksport dan aliran masuk modal, yang nyata pada separuh kedua 2009, dijangka berterusan pada 2010 ekoran pemulihan ekonomi global yang semakin kukuh. Permintaan luaran yang dijangka lebih kukuh, terutamanya dari rantau ini, dan harga komoditi yang lebih tinggi dijangka menyumbang kepada pengembangan berterusan dalam eksport kasar pada 2010. Walau bagaimanapun, lebihan dagangan dijangka lebih rendah kerana import diunjurkan akan mengembang dengan lebih pesat berbanding dengan eksport. Meskipun import barangan pengantara akan meningkat sejajar dengan pengembangan dalam eksport perkilangan, pemulihan yang lebih kukuh dalam ekonomi dalam negeri juga akan mendorong kepada import barangan penggunaan dan modal yang lebih tinggi. Lebihan dagangan yang lebih rendah, di samping defisit akaun pendapatan yang lebih tinggi, aliran keluar pindahan semasa yang berterusan dan defisit akaun perkhidmatan yang kecil, dijangka akan mengakibatkan pengecilan lebihan akaun semasa kepada RM103.8 bilion atau 14.3% daripada PNK pada 2010. Bagi akaun kewangan, aliran masuk pelaburan langsung asing dan pelaburan langsung di luar negeri oleh syarikat Malaysia dijangka meningkat sejajar dengan keadaan ekonomi global dan dalam negeri yang bertambah baik.

Eksport kasar diunjurkan kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan sebanyak 11.2% pada 2010. Unjuran pertumbuhan eksport ini dibuat berdasarkan andaian bahawa pemulihan ekonomi global adalah secara beransur-ansur, dengan pertumbuhan yang perlahan dalam ekonomi maju tetapi aktiviti yang lebih kukuh dalam ekonomi yang sedang pesat membangun, khususnya dalam ekonomi serantau. Pemulihan eksport dijangka

menyeluruh, disokong oleh pemulihan dalam sektor perkilangan dan komoditi. Pemulihan yang menyeluruh ini akan terus diterajui oleh perdagangan intrarantau dan peningkatan eksport secara beransur-ansur ke ekonomi G-3. Pemulihan dalam eksport perkilangan diunjurkan berpunca daripada keluaran eksport elektronik dan elektrik (E&E) dan juga keluaran bukan E&E. Pertumbuhan eksport keluaran E&E, yang lebih kukuh dijangka meliputi kedua-dua segmen elektronik dan elektrik, disebabkan oleh permintaan yang terus tinggi bagi komputer peribadi, telefon pintar (smart phone) dan peranti elektronik baharu, serta pemulihan yang dijangka dalam perbelanjaan IT oleh sektor korporat. Prospek untuk eksport komoditi dan eksport perkilangan berasaskan sumber dijangka akan bertambah baik, dengan harga komoditi yang lebih tinggi dan permintaan serantau yang lebih kukuh dijangka berterusan.

Eksport dan aliran masuk modal dijangka akan terus meningkat pada 2010 berikutan pemulihan ekonomi global yang semakin kukuh. Lebihan akaun semasa, walaupun masih besar, akan merosot, apabila import dijangka mengembang lebih pesat berbanding dengan eksport

Dengan jangkaan pemulihan dalam eksport dan permintaan dalam negeri, pemulihan dalam **import kasar** dijangka akan lebih ketara, dengan peningkatan sebanyak 14.6% pada 2010. Memandangkan sebahagian besar import kasar Malaysia adalah barangan pengantara, import barangan pengantara akan meningkat dan menyumbang kepada sebahagian besar pemulihan import, sejajar dengan pengukuhan permintaan eksport perkilangan. Import barangan modal dijangka meningkat disebabkan oleh pemulihan dalam aktiviti pelaburan sektor korporat secara beransur-ansur dan pelaburan modal baharu dilaksanakan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran. Import barangan pengguna juga dijangka lebih tinggi sejajar dengan peningkatan dalam perbelanjaan penggunaan.

Akaun perkhidmatan diunjurkan akan mencatat defisit yang kecil sebanyak RM0.7 bilion pada 2010 memandangkan defisit yang lebih tinggi dalam akaun pengangkutan dan perkhidmatan lain dijangka lebih daripada mengimbangi lebihan yang lebih tinggi dalam akaun perjalanan. Dengan aktiviti perdagangan global, pelaburan dan pelancongan yang bertambah baik, pembayaran untuk pengangkutan, pembinaan, komunikasi dan perkhidmatan profesional, juga dijangka meningkat. Sementara itu, pendapatan pelancongan dijangka terus meningkat sejajar dengan ramalan ketibaan pelancong global dan serantau yang lebih tinggi dan aktiviti galakan pelancongan yang disasarkan dengan baik. Defisit **akaun pendapatan** diunjurkan meningkat kepada 2.7% daripada PNK disebabkan pemulihan eksport dijangka mengakibatkan penghantaran balik keuntungan dan dividen lebih tinggi oleh syarikat multinasional yang beroperasi di Malaysia, terutamanya dalam industri E&E serta sektor minyak dan gas. Sementara itu, keuntungan dan dividen yang terakru kepada syarikat-syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri dijangka kekal besar, terutamanya dari sektor minyak dan gas serta perkhidmatan, disokong oleh harga komoditi yang lebih tinggi dan prospek ekonomi serantau yang lebih baik.

Bagi akaun kewangan, aliran masuk kasar **pelaburan langsung asing** (FDI) dijangka meningkat pada 2010 dalam keadaan prospek pertumbuhan global dan keberuntungan syarikat yang meningkat. Memandangkan aliran masuk FDI global dijangka pulih secara sederhana pada tahun 2010, peningkatan FDI di Malaysia juga diunjurkan akan menjadi sederhana terutamanya dengan aliran masuk ke dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor minyak dan gas. Dalam sektor perkilangan, sebahagian besar FDI dijangka dalam bentuk pelaburan semula oleh syarikat multinasional untuk pengembangan kapasiti sejajar dengan pemulihan dalam industri E&E. Pelaburan juga dijangka dalam bidang-bidang pertumbuhan baharu seperti tenaga boleh diperbaharui dan peralatan perubatan. Aliran FDI yang lebih tinggi juga dijangka bagi sektor perkhidmatan, terutamanya dalam sektor perkhidmatan kewangan berikutan liberalisasi yang selanjutnya pada bulan April 2009, yang merangkumi pengeluaran lesen baharu kepada institusi kewangan asing, peningkatan dalam had pemilikan modal asing dan membenarkan lebih banyak fleksibiliti operasi untuk institusi kewangan asing yang diperbadankan di

Jadual 4.3
Imbangan Pembayaran

	2009*a*	2010*r*
	RM bilion	
Barangan	141.5	141.6
Akaun perdagangan	118.4	116.7
Eksport (% perubahan tahunan)	*-16.6*	*11.2*
Import (% perubahan tahunan)	*-16.6*	*14.6*
Perkhidmatan	3.2	-0.7
Imbangan barangan dan perkhidmatan	**144.7**	**140.8**
Pendapatan	-12.6	-19.9
Pindahan semasa	-19.4	-17.1
Imbangan akaun semasa	**112.7**	**103.8**
% daripada PNK	**17.0**	**14.3**
Akaun modal	-0.2	
Akaun kewangan	-82.9	
Imbangan akaun modal dan kewangan	**-83.1**	
Kesilapan dan ketinggalan	-15.8	
antaranya:		
Penambahan nilai rizab hasil daripada penilaian semula pertukaran asing	*10.7*	
Imbangan keseluruhan	**13.8**	

a Awalan
r Ramalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 4.4
Perdagangan Luar Negeri

	2009*a*		2010*r*	
	RM bilion	Perubahan tahunan (%)	RM bilion	Perubahan tahunan (%)
Eksport kasar	**553.3**	**-16.6**	**615.1**	**11.2**
antaranya:				
Perkilangan	430.4	-12.5	474.0	10.1
Pertanian	53.4	-21.6	60.3	12.8
Mineral	59.3	-32.2	70.8	19.4
Import kasar	**434.9**	**-16.6**	**498.4**	**14.6**
antaranya:				
Barangan modal	65.8	-5.9	70.7	7.6
Barangan pengantara	297.3	-21.6	348.8	17.3
Barangan penggunaan	31.4	-2.7	33.2	5.7
Imbangan perdagangan	**118.4**	**-16.6**	**116.7**	**-1.4**

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Malaysia. Sementara itu, FDI dalam sektor minyak dan gas akan disokong oleh kenaikan harga dan peningkatan dalam permintaan minyak mentah berikutan aktiviti global yang meningkat.

Pelaburan langsung di luar negeri (DIA) oleh syarikat-syarikat Malaysia dijangka terus bertambah dan kekal besar pada tahun 2010 apabila syarikat-syarikat tersebut terus mengembangkan operasi di peringkat serantau dan global. DIA yang lebih tinggi dijangka disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkhidmatan, minyak dan gas, serta sektor perkilangan dengan tumpuan kepada negara-negara serantau dan negara-negara sedang pesat membangun yang lain. Pengembangan serantau dan global memberi kesempatan kepada syarikat-syarikat Malaysia untuk mengakses pasaran pengguna yang lebih besar, menambah skala operasi mereka dan meningkatkan daya saing mereka di peringkat global. Negara akan memperoleh manfaat dalam jangka sederhana, daripada syarikat-syarikat Malaysia yang lebih kompetitif dan bersifat global dan juga meningkatkan potensi pengiriman balik pendapatan yang lebih besar.

Prospek Pasaran Pekerja

Keadaan dalam **pasaran kerja** dijangka terus bertambah baik pada 2010, sejajar dengan pemulihan dalam aktiviti ekonomi global dan dalam negeri. Keyakinan perniagaan dan aktiviti ekonomi yang bertambah baik sejak separuh tahun kedua 2009 dijangka bertambah kukuh pada 2010, dan ini akan memberi kesan ke atas keputusan pengambilan pekerja dan gaji. Menurut kaji selidik yang dilakukan oleh Bank Negara Malaysia, sebahagian besar syarikat dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan pembinaan merancang untuk menambah pekerja di sekitar 5% pada tahun 2010. Mencerminkan permintaan pekerja yang lebih teguh, kadar pengangguran dijangka menurun kepada 3.6% daripada jumlah tenaga kerja pada 2010 (2009: 3.7%). Di samping itu, kira-kira 70% daripada syarikat yang dikaji selidik menyatakan bahawa mereka akan memberhentikan pembekuan kenaikan gaji pada

tahun 2010. Secara keseluruhan, purata kenaikan gaji di sektor swasta dijangka lebih tinggi sebanyak 4.1% pada 2010 (2009: 3.4%).

Prospek Inflasi
Inflasi keseluruhan bagi tahun 2010 dijangka meningkat dengan sederhana pada purata antara 2% – 2.5%. Unjuran ini dibuat selepas mengambil kira keadaan ekonomi yang bertambah baik dan penyelarasan yang mungkin dibuat oleh Kerajaan terhadap harga ditadbir dan juga penstrukturan semula subsidi. Sekiranya tiada semakan harga selanjutnya dan perkembangan luaran yang mempengaruhi inflasi, inflasi di Malaysia akan terus terkawal.

Prospek permintaan yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi global dan serantau telah bertambah baik. Namun, sikap berhati-hati sektor perniagaan dan isi rumah, keadaan kapasiti berlebihan yang masih wujud dan pemansuhan langkah-langkah rangsangan Kerajaan secara berperingkat-peringkat akan memberi kesan terhadap aktiviti ekonomi di seluruh dunia. Oleh itu, meskipun aktiviti ekonomi dijangka bertambah baik, keadaan permintaan dijangka tidak akan memberi tekanan terhadap inflasi global pada tahun 2010.

Tekanan permintaan terhadap harga domestik pula dijangka terurus. Keyakinan pengguna yang bertambah baik, keadaan monetari yang akomodatif dan pakej rangsangan Kerajaan dijangka menyokong aktiviti penggunaan dan pelaburan sektor isi rumah dan perniagaan. Jurang pengeluaran akan menjadi lebih kecil sejajar dengan peningkatan permintaan dalam negeri. Walau bagaimanapun, dengan pengeluaran beransur-ansur meningkat daripada paras yang rendah, kesannya terhadap tekanan harga dijangka terhad.

Dari aspek penawaran, aktiviti ekonomi yang bertambah baik sejak separuh kedua tahun 2009 dijangka menyebabkan kenaikan harga komoditi dunia. Laporan Prospek Ekonomi Dunia yang dikeluarkan oleh IMF pada bulan Januari 2010 mengunjurkan kenaikan harga minyak mentah kepada sekitar USD76 setong pada tahun 2010 (USD62 setong pada tahun 2009). Kenaikan ini jauh lebih rendah berbanding dengan kenaikan pada Julai 2008 apabila harga minyak mencecah paras tertingginya pada USD147 setong. Komoditi bukan bahan api seperti makanan dan logam secara amnya dijangka mencatat trend yang sama.

Laporan Prospek Makanan edisi Disember 2009 terbitan Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (FAO) menyatakan bahawa imbangan penawaran dan permintaan global yang bertambah baik akan menyebabkan kenaikan harga komoditi makanan pada kadar yang sederhana. Walau bagaimanapun, harga beras dijangka naik berikutan kemerosotan pengeluaran akibat cuaca buruk. Harga gula juga dijangka kekal tinggi meskipun rendah sedikit daripada paras tertingginya pada bulan Ogos 2009. Ini kerana keadaan penawaran komoditi ini yang tidak begitu tinggi telah diimbangi oleh pemulihan dalam pengeluaran serta ambilan daripada stok.

Walaupun permintaan terhadap komoditi dijangka terus sederhana, persekitaran kadar faedah yang berterusan rendah dan keadaan lebihan mudah tunai boleh mendorong aktiviti spekulatif dalam pasaran komoditi. Berikutan itu, faktor bukan asas boleh, secara berkala, menyebabkan harga komoditi dunia naik ke paras yang tinggi. Pengeluar mungkin menanggung kos input yang lebih tinggi dan tidak menentu. Keadaan permintaan yang lebih lembap dan paras inventori yang lebih tinggi daripada biasa boleh membantu menyederhanakan kenaikan harga. Namun, keadaan lebihan mudah tunai global sekiranya berpanjangan, boleh meningkatkan risiko kenaikan harga komoditi.

Di dalam negeri pula, Kerajaan telah mengumumkan rancangannya untuk memansuhkan subsidi bagi keluaran petroleum. Kajian semula yang komprehensif terhadap subsidi yang sedia ada bagi barangan keperluan asas lain juga sedang dijalankan. Ini boleh menimbulkan sedikit tekanan menaik terhadap inflasi keseluruhan negara. Namun, berikutan jangkaan bahawa pemulihan keadaan permintaan secara relatif adalah sederhana tahun ini, kesannya terhadap harga pengguna mungkin bersifat sementara dan terkawal. Inflasi teras diramal menunjukkan trend yang sederhana dan dengan itu dijangka tidak akan menimbulkan kebimbangan.

DASAR MONETARI PADA TAHUN 2010

Ekonomi global memasuki tahun 2010 dalam mod pemulihan berbanding dengan keadaan pada awal tahun 2009 apabila krisis kewangan global sedang memuncak. Pertumbuhan KDNK global bertambah kukuh pada suku terakhir 2009, hasil sokongan aktiviti yang lebih kukuh, terutamanya dalam ekonomi sedang pesat membangun.

Walaupun terdapat elemen sokongan dasar yang nyata dalam mendorong pengembangan aktiviti ekonomi, terdapat juga tanda-tanda pemulihan dalam permintaan swasta, terutamanya dari segi penggunaan swasta. Permintaan sektor swasta dijangka bertambah kukuh pada tahun 2010.

Dasar monetari pada tahun 2010 akan tertumpu pada penggalakan pemulihan ekonomi yang berterusan

Proses pemulihan negara-negara di seluruh dunia bagaimanapun tidak sekata lantas menunjukkan bahawa masa dan magnitud pemansuhan langkah dasar luar biasa yang dilaksanakan semasa berlakunya krisis mungkin berbeza antara negara. Walau bagaimanapun, ekonomi sedang pesat membangun kini menerajui proses pemulihan ekonomi dunia. Asas-asas ekonomi bagi pasaran sedang pesat membangun yang lebih baik, terutamanya di Asia, menunjukkan bahawa ekonomi tersebut akan memainkan peranan penting dalam menyokong permintaan global dalam tahun-tahun yang akan datang.

Asas-asas bagi pasaran sedang pesat membangun yang lebih kukuh juga boleh menjadikan ekonomi tersebut terdedah kepada aliran masuk modal secara besar-besaran yang didorong oleh kadar faedah global yang rendah, lebihan mudah tunai dan kesanggupan pelabur mengambil risiko yang lebih tinggi serta pencarian pulangan. Memandangkan prospek ekonomi antarabangsa masih lagi tidak menentu, aliran masuk modal sedemikian berkemungkinan besar menimbulkan reaksi serta-merta mengikut perubahan dalam perkembangan global dan jangkaan yang berubah-ubah. Akibatnya, aliran masuk modal juga mungkin terjejas oleh episod perubahan dalam arah aliran modal tersebut. Ketidaktentuan dalam pasaran kewangan yang lebih ketara ekoran perkembangan tersebut boleh merumitkan penggubalan dasar dalam ekonomi sedang pesat membangun yang pasaran kewangannya belum begitu maju. Cabaran kepada langkah untuk menyalurkan aliran masuk modal yang besar dan tidak menentu boleh mewujudkan ketidakseimbangan kewangan dan pengagihan sumber yang tidak cekap, manakala penarikan keluar dana yang mendadak dan cepat boleh mengganggu aktiviti pembiayaan dan ekonomi benar. Oleh yang demikian, persekitaran ekonomi dan kewangan bagi pasaran sedang pesat membangun masih lagi mencabar.

Di dalam negeri pula, ekonomi Malaysia dijangka bertambah kukuh. Pengukuhan berterusan dalam aktiviti penggunaan dan pelaburan akan merangsang permintaan dalam negeri serta meningkatkan keluaran negara ke tahap yang lebih hampir dengan potensi produktif ekonomi. Keyakinan pengguna yang terus mapan dan keadaan monetari yang akomodatif akan menyokong penggunaan dan aktiviti pelaburan sektor isi rumah dan perniagaan. Kerajaan telah mengumumkan pelan konsolidasi fiskalnya secara beransur-ansur pada tahun 2010. Walau bagaimanapun, dasar fiskal secara keseluruhan kekal mengembang dan akan terus menyokong proses pemulihan ekonomi. Permintaan luar negeri, terutamanya dari ekonomi serantau, juga akan menjadikan aktiviti ekonomi dan perdagangan terus mapan. Hasilnya, jurang keluaran negatif yang sedia ada akan mengecil berikutan permintaan dalam negeri yang meningkat.

Sejajar dengan pemulihan aktiviti ekonomi, inflasi dijangka meningkat. Walau bagaimanapun, dengan keluaran beransur pulih daripada paras yang rendah, tekanan terhadap inflasi yang timbul ekoran pengecilan jurang keluaran dijangka terhad. Inflasi teras mungkin menunjukkan trend menaik yang sederhana dan dijangka tidak akan menimbulkan sebarang kebimbangan dari segi dasar. Dari segi penawaran, Kerajaan telah mengumumkan hasrat untuk melaksanakan kajian semula yang komprehensif terhadap sistem penyaluran subsidi. Penstrukturan semula subsidi dan kenaikan semula harga tenaga dan bahan makanan global boleh mencetuskan tekanan menaik terhadap inflasi dalam negeri. Walau bagaimanapun, penilaian yang dibuat menunjukkan bahawa kesan yang mungkin timbul terhadap harga pengguna mungkin bersifat sementara dan boleh diuruskan.

Dengan ancaman kemelesetan yang besar semakin berkurang, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) telah menaikkan OPR sebanyak 25 mata asas pada Mac 2010 sebagai langkah ke arah mengembalikan keadaan monetari kepada kedudukan yang lebih wajar. Rangsangan monetari pada tahap

yang tinggi dianggap tidak lagi wajar berikutan pemulihan yang kukuh dan prospek ekonomi yang lebih baik. Terdapat kebimbangan bahawa sekiranya kadar faedah dikekalkan pada paras yang amat rendah dalam tempoh yang lama ia boleh mendorong kepada aktiviti pengambilan risiko yang keterlaluan dan pengambilan hutang yang berlebihan. Pada masa yang sama, ia juga boleh menjadi faktor yang tidak menggalakkan simpanan dan menyebabkan pengeluaran daripada sistem pengantaraan selain mendorong penyimpan untuk beralih kepada pelaburan yang berisiko. Perkembangan sebegini boleh melemahkan proses pemulihan selain mengurangkan potensi pertumbuhan ekonomi jangka panjang. Oleh itu, walaupun dasar monetari kekal akomodatif dan menyokong ekonomi, penetapan kadar faedah pada paras yang wajar adalah sejajar dengan persekitaran ekonomi yang bertambah baik selain bertujuan untuk mengelakkan ketidakseimbangan kewangan menular dalam ekonomi.

Dengan tekanan harga dijangka sederhana pada masa akan datang, dasar monetari tahun 2010 akan menumpukan pada usaha menggalakkan pemulihan ekonomi yang berterusan dan memastikan pembiayaan tersedia bagi sektor swasta pada kos yang berpatutan. Memandangkan ketidakpastian berhubung dengan prospek pertumbuhan ekonomi global masih lagi wujud, pendirian dasar monetari yang akomodatif akan dikekalkan untuk menyokong dan mengukuhkan aktiviti pelaburan dan permintaan penggunaan swasta serta pertumbuhan ekonomi negara secara keseluruhan.

DASAR FISKAL PADA TAHUN 2010

Dasar fiskal mengembang dengan ketara pada tahun 2009 bagi mengelakkan ekonomi Malaysia daripada terjerumus ke dalam kemelesetan ekonomi disebabkan oleh krisis kewangan global dan ekonomi yang telah mengheret ekonomi global ke dalam kancah kemelesetan yang teruk. Seiring dengan dasar kewangan akomodatif dan langkah-langkah proaktif untuk menyokong akses kepada pembiayaan kepada sektor swasta, langkah-langkah fiskal ini telah berjaya mengurangkan kesan kemelesetan ke atas ekonomi Malaysia. Hasilnya, penguncupan ekonomi mula stabil pada awal suku kedua 2009. Sementara ekonomi terus mengalami pemulihan pada tahun 2010, dasar fiskal akan terus ditumpukan ke arah menyediakan asas untuk pemulihan permintaan sektor swasta yang lebih kukuh. Kunci kepada pemulihan ekonomi yang berterusan ialah pemulihan kukuh dalam penggunaan dan pelaburan swasta. Lantaran itu, dasar fiskal telah memberi keutamaan yang ketara terhadap peningkatan peranan sektor swasta sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi.

Usaha Kerajaan untuk memperkukuh pelaburan swasta dan mempertingkatkan penyertaan sektor swasta dalam ekonomi dicerminkan melalui langkah-langkah yang diumumkan pada Bajet 2010. Ini termasuk inisiatif-inisiatif penswastaan dan langkah-langkah yang menyediakan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif. Selanjutnya, bagi menggalakkan penglibatan sektor swasta yang lebih besar dalam ekonomi, Kerajaan juga menyediakan insentif untuk beberapa sektor pertumbuhan tinggi. Antara yang dikenal pasti ialah sektor pelancongan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), kewangan dan perbankan Islam, produk halal dan teknologi hijau. Untuk terus menyokong pertumbuhan penggunaan swasta, Kerajaan telah mengurangkan cukai pendapatan peribadi,

Jadual 4.5
Kewangan Kerajaan Persekutuan

	RM bilion		Perubahan %	
	2009*a*	2010*B*	2009*a*	2010*B*
Hasil	158.6	148.4	-0.7	-6.4
Jumlah perbelanjaan	206.6	189.5	5.2	-8.3
Perbelanjaan mengurus	*157.1*	*138.3*	*2.3*	*-12.0*
Perbelanjaan pembangunan kasar	*49.5*	*51.2*	*15.6*	*3.4*
Terimaan balik pinjaman	0.5	0.6		
Imbangan keseluruhan	**-47.4**	**-40.5**		
% daripada KDNK	**-7.0**	**-5.6**		
Sumber pembiayaan:				
Peminjaman dalam negeri bersih	56.9	-		
Peminjaman luar negeri bersih	-6.3	-		
Harta boleh jual[1] dan pelarasan	-3.2	-		

[1] Tanda campur (+) menunjukkan pengeluaran harta boleh jual terkumpul
a Awalan
B Bajet
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan

dan menaikkan pelepasan cukai individu untuk menambah pendapatan boleh guna pengguna.

Sebagai tindak balas terhadap kesan penguncupan ke atas ekonomi dalam negeri berikutan kemelesetan ekonomi global, Kerajaan telah melaksanakan rangsangan fiskal yang agak besar pada tahun 2009, dan mengakibatkan defisit yang lebih tinggi iaitu 7% daripada KDNK (2008: 4.8% daripada KDNK) serta hutang Kerajaan Persekutuan yang juga lebih tinggi pada 53.7% daripada KDNK (2008: 41.5% daripada KDNK). Walaupun pada amnya dasar fiskal kekal akomodatif pada tahun 2010, pertimbangan yang sewajarnya adalah perlu untuk memastikan kewangan Kerajaan terhindar daripada tekanan yang tidak diingini. Khususnya, sokongan yang besar oleh Kerajaan yang diberikan pada kemuncak krisis ekonomi global akan dikurangkan secara beransur-ansur.

Dengan matlamat ke arah konsolidasi kedudukan fiskal secara berperingkat, Bajet 2010 memberi penekanan kepada langkah-langkah untuk menambah baik keberkesanan dan kecekapan pendapatan dan perbelanjaan Kerajaan. Untuk mempertingkatkan kecekapan perbelanjaan Kerajaan, langkah-langkah yang akan dilaksanakan dan diberi keutamaan merangkumi penstrukturan sistem subsidi bahan api yang merupakan bahagian yang besar dalam perbelanjaan tahunan Kerajaan. Di samping itu, kajian semula secara keseluruhan ke atas sistem subsidi dan kawalan harga juga sedang dilakukan. Bagi mempertahankan kedudukan fiskal yang berterusan tanpa mengetepikan matlamat pertumbuhan dan pembangunan yang menyeluruh, Kerajaan juga akan memperhebat program perkongsian sektor awam-swasta (public-private partnership program) untuk beberapa projek berimpak tinggi. Antara projek-projek tersebut termasuk projek jalur lebar berkelajuan tinggi, koridor pembangunan wilayah dan infrastruktur pengangkutan awam.

Untuk memperkukuh aliran pendapatan, Kerajaan telah menjalankan kajiselidik berkaitan kebolehlaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (goods and services tax, GST). Melalui GST, asas pendapatan Kerajaan akan diperluas dan sekali gus lebih terlindung daripada ayunan kitaran harga minyak. Pada masa ini, asas pendapatan adalah terlalu sempit dan bergantung terutamanya kepada cukai langsung dan hasil berkaitan minyak. Selain itu, ianya terdedah kepada kitaran perniagaan yang boleh memberikan impak yang ketara kepada kewangan Kerajaan. Kerajaan juga telah mengumumkan rancangan untuk mengkaji semula sistem penaksiran cukai, terutamanya untuk aktiviti yang berkaitan dengan minyak, yang pada masa ini ditaksir dengan sela masa satu tahun.

Dengan pelaksanaan langkah-langkah ini, defisit fiskal Kerajaan Persekutuan dijangka mengecil dengan ketara kepada 5.6% daripada KDNK pada tahun 2010. Perbelanjaan operasi akan menjadi lebih rendah sebanyak 12% dari RM157 bilion pada tahun 2009 kepada RM138 bilion. Sementara itu, perbelanjaan pembangunan akan kekal tinggi pada RM51.2 bilion. Sebahagian besar perbelanjaan pembangunan akan disalurkan kepada sektor perkhidmatan ekonomi dan perkhidmatan pendidikan.

Memandangkan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam pasaran dalam negeri, Kerajaan akan membiayai sebahagian besar defisit fiskal melalui pasaran bon dalam negeri. Selain memperoleh dana melalui penerbitan sekuriti kerajaan, Kerajaan juga akan menerbitkan bon runcit yang berjumlah RM3 bilion yang dikenali sebagai Sukuk 1Malaysia. Penerbitan ini boleh menjadi pelaburan alternatif bagi rakyat Malaysia untuk memperoleh pulangan yang lebih baik dalam persekitaran kadar faedah dalam negeri yang rendah.

Rajah 4.5
Imbangan Fiskal dan Hutang Kerajaan Persekutuan



a Awalan
B Bajet

Sumber: Kementerian Kewangan

Peralihan kepada Ekonomi Berpendapatan Tinggi: Pertimbangan Dasar

Dahulu hingga Kini: Perkembangan Ekonomi Malaysia

Malaysia telah mencapai kemajuan ekonomi yang ketara sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, membangun daripada sebuah ekonomi berpendapatan rendah kepada ekonomi berpendapatan menengah atas dalam tempoh lebih setengah abad. Pendapatan per kapita telah meningkat hampir dua puluh kali ganda dalam tempoh empat dekad lalu, sementara kadar kemiskinan telah berkurang lebih sepuluh kali ganda. Perubahan struktur yang besar juga telah berlaku dalam ekonomi. Ekonomi yang sebahagian besarnya berasaskan komoditi utama dengan kebergantungan tinggi pada getah dan bijih timah pada tahun 1960-an telah ditransformasikan menerusi kebangkitan sektor perkilangan sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan pada lewat tahun 1980-an, dan kemudiannya sektor perkhidmatan sebagai pemacu utama pertumbuhan sejak tahun 2000. Sepanjang proses pembangunan ini, Malaysia telah memperkukuh dan meningkatkan integrasinya dengan ekonomi global.

Pada masa ini, Malaysia sedang berdepan dengan persekitaran ekonomi global yang sedang berubah dengan ketara. Walaupun landskap global telah berubah secara beransur-ansur pada dekad yang lepas, krisis kewangan dan ekonomi global semasa telah mempercepat perubahan ini. Yang ketara, terdapat dua perkembangan berbeza yang menonjol. Pertama, landskap ekonomi global semakin bersifat berbilang polar dengan peningkatan kepentingan ekonomi pasaran sedang pesat membangun, terutamanya ekonomi Brazil, Rusia, India dan RR China (BRIC). Yang penting, kebangkitan ketara RR China telah mengubah dinamik pertumbuhan di Asia. Faktor struktur yang menggalakkan dalam ekonomi pasaran sedang pesat membangun itu termasuk golongan kelas pertengahan yang besar dan semakin bertambah yang akan menyokong permintaan dalam negeri dan seterusnya pertumbuhan berterusan dalam ekonomi tersebut selepas krisis. Walau bagaimanapun, krisis tersebut telah mendedahkan beberapa kelemahan struktur dalam ekonomi maju, yang kesemuanya akan membatasi potensi pertumbuhan ekonomi tersebut dalam jangka sederhana. Kedua, kebangkitan ekonomi pasaran sedang pesat membangun yang secara relatif besar, seperti BRIC, Vietnam dan Indonesia, juga akan memperhebat persaingan dalam ekonomi global, bukan sahaja dalam kalangan perniagaan, tetapi juga antara negara dalam menarik pelaburan dan modal insan.

Dalam persekitaran yang makin mencabar ini, inisiatif strategik dilaksanakan untuk mengukuhkan fleksibiliti ekonomi Malaysia supaya dapat disesuaikan dengan keadaan yang berubah-ubah, untuk memanfaatkan peluang baharu di samping menangani cabaran yang mungkin timbul. Model ekonomi sedia ada sedang dikaji semula dan dasar yang menyokong daya saing yang lebih tinggi, kadar inovasi yang lebih pantas dan peningkatan kepada industri lebih berintensif pengetahuan merupakan strategi peralihan Malaysia kepada ekonomi berpendapatan tinggi.

Masa Hadapan: Ciri-ciri Ekonomi Malaysia Berpendapatan Tinggi

Menurut definisi Bank Dunia, sebuah negara berpendapatan tinggi ialah negara yang mempunyai pendapatan per kapita lebih daripada USD11,905. Oleh itu, daripada paras semasa USD6,634, Malaysia perlu meningkatkan pendapatan per kapitanya sebanyak hampir dua kali ganda untuk menjadi negara berpendapatan tinggi. Selain paras pendapatan, penilaian terhadap negara berpendapatan tinggi sedia ada memaparkan lima ciri ekonomi utama, iaitu:

1. **Aktiviti ekonomi berintensif inovasi dan pengetahuan**
   Sebuah ekonomi berpendapatan tinggi adalah berteraskan pengetahuan dan inovasi berbanding dengan ekonomi yang berteraskan pelaburan. Semua sektor ekonomi terlibat dalam aktiviti ekonomi bernilai tinggi, dengan pengetahuan, inovasi dan produktiviti menjadi keutamaan dalam penciptaan nilai.

Bagi Malaysia, berdasarkan asas perkilangan kukuh yang sedia ada dalam ekonomi, perubahan ke arah aktiviti bernilai tinggi akan didorong oleh industri sedia ada yang meningkatkan kedudukan mereka dalam rantaian nilai. Syarikat dalam industri-industri ini akan semakin bergantung pada strategi kebitaraan (niche) dan juga penambahbaikan yang berterusan, kecanggihan yang lebih tinggi dan pengkhususan yang lebih mendalam. Beberapa bidang yang berpotensi termasuklah elektronik bernilai tinggi, perkilangan panel suria, peralatan perubatan dan minyak sawit hiliran. Pergerakan ke arah aktiviti bernilai lebih tinggi akan dilengkapkan oleh pembangunan subsektor perkhidmatan berintensif pengetahuan. Perkhidmatan moden ini termasuk pengkomputeran, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), penyelidikan dan pembangunan (R&D), kesihatan dan pendidikan serta hiburan. Di samping perkhidmatan berintensif pengetahuan ini, perkhidmatan berkaitan perkilangan yang sudah berkembang kukuh, seperti logistik, pemasaran dan penjenamaan juga akan memberikan sokongan yang kukuh kepada pertumbuhan industri.

Selain itu, sementara syarikat multinasional dan syarikat tempatan yang besar akan kekal penting kepada ekonomi, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) akan menjadi tulang belakang ekonomi. Yang ketara, jumlah besar PKS yang sangat dinamik, berinovatif dan berdaya saing akan menjadi ciri penting bagi ekonomi Malaysia berpendapatan tinggi.

2. **Ekonomi diterajui oleh sektor swasta berteraskan persaingan**
   Aktiviti ekonomi dalam ekonomi berpendapatan tinggi diterajui oleh sektor swasta dalam persekitaran yang berdaya saing. Persaingan akan menyumbang kepada peruntukan sumber yang menjadikan aktiviti ekonomi lebih memberangsangkan dan dinamik. Bagi pasaran berfungsi dengan cekap dan berkesan, ketiadaan gangguan pada pasaran, terutamanya yang mengakibatkan isyarat harga yang tidak sewajarnya merupakan prasyarat yang perlu ada. Walau bagaimanapun, rangka kerja keinstitusian yang kukuh juga perlu diwujudkan bagi menangani kemungkinan kegagalan pasaran dan memastikan persekitaran perniagaan yang berdaya saing dan saksama.

3. **Kerajaan sebagai pemudah cara pertumbuhan ekonomi**
   Oleh sebab ekonomi akan diterajui oleh sektor swasta, peranan Kerajaan perlu beralih menjadi pemudah cara utama untuk pertumbuhan. Fokus Kerajaan dalam peranan ini adalah menyediakan persekitaran berdaya saing yang membolehkan sektor swasta berfungsi dengan cekap. Ini akan melibatkan terutamanya penyediaan infrastruktur pemboleh, termasuk pengangkutan awam dan infrastruktur berkaitan Internet yang moden, dan juga penyediaan perkhidmatan keselamatan dan kemasyarakatan asas, seperti kesihatan dan pendidikan. Di samping itu, dasar teknologi dan inovasi yang menyeluruh akan menggalakkan aktiviti bernilai tinggi dan penciptaan pengetahuan. Kerjasama erat antara sektor awam dengan swasta adalah perlu untuk mencapai matlamat ini dengan berkesan.

4. **Keseimbangan yang lebih baik antara permintaan dalam negeri dengan permintaan luar**
   Sejajar dengan trend yang sedang berlaku, ekonomi berpendapatan tinggi perlu mempunyai model pembangunan yang lebih seimbang. Sementara kelebihan bersaingan dalam sektor luar akan kekal penting, sektor dalam negeri perlu memainkan peranan yang lebih besar dalam memberikan sumbangan kepada pertumbuhan. Pertama, golongan berpendapatan sederhana yang lebih besar dan lebih kaya akan menyokong penggunaan swasta yang lebih tinggi dan lebih canggih. Kedua, peningkatan dalam kualiti pelaburan swasta akan menyumbang kepada pertumbuhan pekerjaan berpendapatan tinggi dan bernilai tambah tinggi yang lebih mampan. Pelaburan swasta perlu semakin beralih daripada yang lebih tertumpu pada pembinaan dan jentera bernilai rendah kepada automasi dan R&D lebih maju untuk mempermudah pergerakan bagi meningkatkan kedudukan dalam rantaian nilai di samping menyokong inovasi. Sementara itu, produktiviti yang tinggi akan melengkapkan peningkatan kecanggihan modal untuk menghasilkan keluaran dan perkhidmatan yang bernilai tinggi.

5. Integrasi global dan serantau yang lebih mendalam

Memandangkan pasaran dalam negeri adalah kecil, apabila syarikat menjadi bertambah besar dan lebih kukuh, ia akan meningkatkan integrasinya dengan rantau dan bahagian dunia yang lain untuk mendapatkan akses yang lebih baik kepada pasaran yang lebih besar. Integrasi yang lebih mendalam dengan pasaran antarabangsa akan merangkumi permintaan akhir dan bekalan input faktor. Bagi Malaysia, integrasi selanjutnya dengan ekonomi serantau dan ekonomi sedang pesat membangun lain akan menjadi ciri utama peralihan kepada ekonomi bernilai tambah yang tinggi. Khususnya, trend pelaburan luar negeri oleh syarikat Malaysia yang meningkat baru-baru ini dijangka berterusan dan akan membawa lebih banyak manfaat kepada Malaysia dalam jangka sederhana memandangkan peluang dan pasaran baharu akan diperoleh.

Strategi untuk Ekonomi Malaysia yang Mampan dan Dinamik

Walaupun pandangan tentang ciri-ciri ekonomi berpendapatan tinggi secara relatif jelas, tidak ada sepersetujuan tentang keperluan yang perlu ada untuk berjaya menjadi ekonomi berpendapatan tinggi. Walau bagaimanapun, pengalaman negara berpendapatan tinggi memberikan beberapa penunjuk bahawa lima faktor adalah sangat penting (Rajah 1). Yang pertama ialah kestabilan makroekonomi, yang menyediakan persekitaran yang kondusif untuk simpanan dan pelaburan perniagaan yang tinggi dalam persekitaran yang ketidakpastiannya adalah tidak begitu ketara. Kedua, mobiliti sumber berteraskan pasaran merentas semua pasaran adalah penting untuk peruntukan sumber yang cekap dalam ekonomi. Ketiga, perlu wujud rejim keinstitusian yang teguh dengan penguatkuasaan yang mencukupi, merangkumi antara lain, pengawalan persaingan yang berkesan, pencegahan kegagalan pasaran dan perlindungan hak harta yang berkesan. Keempat, budaya inovasi perlu ditanamkan di seluruh negara, dengan usaha sama dalam dan antara sektor awam dan swasta serta akademia. Kelima ialah kepimpinan dan tadbir urus yang kukuh hendaklah terus memainkan peranan penting, terutamanya dalam memastikan kestabilan, membangunkan persekitaran yang berdaya saing dan menyediakan infrastruktur pemboleh.

Rajah 1
Lima Teras untuk Perkembangan Ekonomi yang Mapan



Walaupun maklumat yang banyak mengenai pembangunan tidak memberikan satu formula pembangunan ekonomi yang jelas, akan tetapi pengalaman dapat memberikan contoh faktor yang perlu dijauhi (Rajah 2). Yang penting ialah faktor di sebalik penentuan harga pasaran yang digunakan untuk mengekalkan daya saing kos yang tidak mencerminkan kedudukan sebenar. Dalam kebanyakan ekonomi membangun, faktor tersebut wujud dalam berbagai-bagai bentuk, daripada kawalan harga dan subsidi tenaga, hinggalah kepada perlindungan terbuka kepada sektor dan industri tertentu. Walaupun

Rajah 2
Pengalaman Global Berhubung dengan Kekangan Lazim Terhadap Pertumbuhan

Teras 1: Kestabilan Makroekonomi

- Defisit fiskal yang tidak mampu bertahan
- Perbelanjaan yang tersasar
- Ketidakstabilan monetari dan kewangan

Teras 2: Mobiliti Sumber Berdasarkan Keperluan Pasaran

- Gangguan harga:
  - Subsidi tenaga
  - Kadar upah yang bukan sebenar
  - Kawalan harga yang berlebihan
- Gangguan pasaran:
  - Perlindungan terbuka bagi sektor dan industri tertentu

Teras 3: Rejim Keinstitusian yang Berkesan

- Dasar persaingan dan pengawalan yang lemah untuk menangani kegagalan pasaran

Teras 4: Budaya Inovasi dalam Masyarakat

- Kemajuan dalam pendidikan dari segi kualiti, takat pembelajaran dan pemikiran yang inovatif

Teras 5: Kepimpinan dan Tadbir Urus

- Mengabaikan isu alam sekitar
- Saiz sektor awam yang terlalu besar
- Amalan rasuah

mungkin terdapat keadaan yang mewajarkan penerapan sementara beberapa langkah ini, dasar sebegitu dalam jangka masa panjang lazimnya melibatkan kos yang tinggi.

Untuk Malaysia melangkah ke hadapan, kekuatan dan asas yang mantap akan memberikan sokongan kepada pembangunan ekonomi yang berterusan. Untuk berjaya beralih kepada ekonomi bernilai tambah tinggi, Malaysia mempunyai potensi untuk memanfaatkan faedah berbanding sedia ada dan membangunkan keupayaan dan kepakaran yang lebih mendalam. Pembaharuan asas sememangnya diakui akan diperlukan dalam beberapa bidang ekonomi. Dalam hal ini, tiga keutamaan strategik penting telah dikenal pasti, iaitu memupuk tenaga kerja yang berkualiti, menggalakkan persekitaran yang berdaya saing dan membangunkan infrastruktur pemboleh yang cekap.

1. **Tenaga kerja berkualiti dan berbudaya inovasi**
   Tenaga kerja yang berpengetahuan, berinovatif dan bersikap keusahawanan adalah penting untuk memacu penciptaan nilai yang perlu dalam ekonomi berpendapatan tinggi. Justeru, pendidikan dan latihan bertaraf dunia penting untuk mengembangkan kemahiran dan tenaga kerja yang kreatif.

   Oleh sebab itu, Malaysia sedang melaksanakan pembaharuan terhadap sistem pendidikannya untuk menjadi sistem yang mampu membangunkan kumpulan tenaga kerja yang lengkap dengan kemahiran dan kecekapan untuk meningkatkan produktiviti dan pembangunan ekonomi. Dalam hal ini, penekanan yang besar diberikan terhadap pengukuhan institusi pembelajaran untuk memastikan kualiti pengajaran yang bermutu tinggi. Berkaitan dengan hal ini, skim gaji dan ganjaran untuk pensyarah universiti dan guru kini sedang ditambah baik untuk menarik dan mengekalkan pendidik yang berkualiti. Selain itu, sistem pendidikan teknikal sedang ditambah baik untuk menyediakan dengan jayanya tenaga kerja mahir yang diperlukan untuk sektor perkilangan dan perkhidmatan bernilai tinggi. Untuk memastikan kualiti didukung tinggi secara berterusan, prestasi politeknik utama akan ditanda aras kepada institusi teknikal yang terkemuka termasuk di Jerman, Austria dan Sweden. Usaha juga sedang dijalankan untuk melibatkan sektor swasta dalam memastikan kerelevanan dan keberkesanan sistem pendidikan dalam memenuhi kehendak industri.

Meskipun pembaharuan dalam sistem pendidikan merupakan keutamaan yang amat penting, fleksibiliti juga diberikan untuk mengambil tenaga kerja global. Dalam hal ini, pelbagai langkah telah diambil untuk meningkatkan fleksibiliti untuk mengambil pekerja ekspatriat, sementara inisiatif sedang diambil untuk mengurangkan masalah penghijrahan cendekiawan (brain drain).

2. **Pasaran yang cekap dan berteraskan persaingan**
   Aktiviti ekonomi bernilai tinggi yang canggih memerlukan mekanisme pasaran yang berfungsi dengan baik, berpandukan isyarat harga yang tidak diganggu, supaya sumber yang terhad diperuntukkan dengan cekap. Gangguan pasaran akan menyebabkan ketidakcekapan dan pembaziran yang banyak, sementara dasar bersifat perlindungan menjejaskan struktur insentif asas yang diperlukan untuk sesebuah masyarakat usahawan yang berkembang maju.

   Pada masa ini, beberapa gangguan pasaran wujud dalam beberapa bidang ekonomi Malaysia. Gangguan pasaran ini saling sangat berkait, dan langkah yang dilaksanakan memberi kesan kepada pelbagai industri dan sektor dalam ekonomi. Subsidi sedemikian memberikan bebanan yang berat kepada Kerajaan dan mengalihkan sumber daripada aktiviti pelaburan lain. Walau bagaimanapun, penghapusan gangguan sedemikian perlu dilakukan secara berperingkat-peringkat dan berturutan untuk mengelakkan gangguan terhadap ekonomi. Sama penting ialah peruntukan semula simpanan berikutan terhapusnya gangguan menyeluruh sedia ada memandangkan terdapat lebih banyak subsidi sasaran dan pemindahan pendapatan langsung untuk menyokong golongan berpendapatan sederhana dan rendah.

3. **Infrastruktur pemboleh yang meluas dan cekap**
   Infrastruktur tradisional dan moden memainkan peranan penting dalam membolehkan peralihan ke arah ekonomi bernilai tambah yang tinggi. Oleh sebab Malaysia sudah mempunyai infrastruktur fizikal yang berkualiti tinggi termasuk jalan raya, pelabuhan dan utiliti, tumpuan kini diberikan pada pembangunan sistem pengangkutan awam yang cekap, infrastruktur berkaitan dengan Internet dan infrastruktur berkaitan dengan kecekapan tenaga yang moden, yang penting dalam menggalakkan aktiviti bernilai tinggi dan memperbaik produktiviti keseluruhan ekonomi. Dalam usaha untuk mengembangkan perkhidmatan jalur lebar di seluruh negara, Kerajaan, melalui perkongsian dengan Telekom Malaysia, telah memulakan inisiatif Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi bernilai RM11.3 bilion.

   Sejajar dengan langkah Malaysia menerapkan perubahan ini, pelaksanaan dasar perlu mengambil kira tiga pertimbangan penting. Pertama, dasar hendaklah dilaksanakan secara beransur-ansur dan berturutan bagi membolehkan perniagaan dan isi rumah menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu. Kedua ialah pentingnya ketelusan untuk mewujudkan kesedaran orang ramai terhadap peluang dan kekangan baharu. Ketiga, sokongan perlu diberikan kepada golongan berpendapatan rendah untuk meminimumkan kesan negatif sewaktu peralihan, di samping untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan yang diperlukan untuk meraih manfaat daripada peluang-peluang baharu.

Kesimpulan

Ekonomi Malaysia kini berada di persimpangan yang kritikal berhubung dengan pembangunan dan kemajuannya pada masa hadapan yang bakal berdepan dengan banyak cabaran. Sepanjang proses pembangunan Malaysia selama lebih daripada 50 tahun, ekonominya telah menunjukkan keupayaan dan fleksibiliti untuk beralih kepada bidang baharu yang mempunyai faedah berbanding dan juga bidang pertumbuhan baharu. Dalam proses peralihan kepada ekonomi bernilai tambah yang tinggi masa kini, Malaysia perlu membangunkan bidang pertumbuhan baharu dan menerapkan model ekonomi baharu untuk pembangunan. Dengan pembangunan persekitaran ekonomi yang menyokong dan berdaya saing, yang terdiri daripada tenaga kerja yang berkualiti dan infrastruktur yang cekap, Malaysia akan bersedia dengan asas-asas yang diperlukan untuk memanfaatkan trend serantau dan global yang baru muncul dan pantas berubah, untuk beralih menjadi sebuah ekonomi bernilai tambah yang tinggi.